



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
UNIT SUKAN
D/A PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN WESTLANDS,
JALAN PADANG VICTORIA,
10400 PULAU PINANG



Tel : +604 228 5831 / 3858
Faks : +604 228 6248
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Rujukan Tuan :
No. Rujukan : JPNPP(SUK)600-6/1(54)
Tarikh : 1 Februari 2017

Pengetua,
Semua Sekolah Menengah di Pulau Pinang

Tuan / Puan,

PERMOHONAN BAHARU HADIAH SKIM BIASISWA SUKAN (SBS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengeluarkan tawaran baru Hadiah Biasiswa Sukan (SBS) kepada atlet murid yang layak bagi tahun 2017.

3. Syarat kelayakan atlet murid untuk pertimbangan mendapat Biasiswa Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut :

- 3.1 Warganegara Malaysia
- 3.2 Sedang belajar di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di Sekolah Menengah Harian, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang ATAU sedang belajar di Kolej Vokasional di Tahun 1 dan Tahun 2 sahaja ATAU sedang belajar di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di Sekolah Sukan Negeri.
- 3.3 Menunjukkan prestasi cemerlang dalam jenis-jenis sukan tertentu dengan sekurang-kurangnya telah mewakili negeri di peringkat kejohanan MSSM dan Liga Sukan KPM; dan
- 3.4 Tidak menerima sebarang biasiswa atau elaun (insentif lain) daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

4. Surat makluman dan borang permohonan juga boleh didapati di laman sesawang Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang iaitu www.msspp.com. Permohonan baharu SBS 2017 boleh dibuat atas talian mulai 1 Mac sehingga 31 Mac 2017 dengan melayari laman sesawang seperti di alamat berikut : <https://apb1.moe.gov.my> atau melalui aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS). Semua borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang seperti alamat di atas sebelum 5 April 2017. Borang permohonan yang tidak lengkap atau lewat dihantar tidak akan diterima.

5. Diharap tuan / puan dapat menghebahkan maklumat ini kepada semua pelajar di sekolah tuan / puan dan mencalonkan atlet murid yang betul-betul layak sahaja (pihak sekolah perlu memastikan atlet murid yang memohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas) membuat permohonan.

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"
Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



PERMOHONAN BAHARU HADIAH SKIM BIASISWA SUKAN (SBS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) 2017

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Nagarajan Veloo di Unit Sukan melalui talian 017 – 4162303


7. Kerjasama tuan / puan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan

Sektor Pembangunan Kemanusiaan

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel : 04-2285831

No. Faks : 04-2286248

E-mel : abdulhalim@jpnpp.edu.my

s.k.:

1. Pengarah Pendidikan
2. Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
3. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / Utara / Tengah / Selatan